

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN WONG KAH WHO [IPOH TIMUR]

SOALAN

TUAN WONG KAH WOH [IPOH TIMUR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pengundi layak tetapi tidak berdaftar setakat ini, dan apakah status pelaksanaan pendaftaran pengundi secara automatik. Bilakah warganegara berumur 18 tahun akan layak menjadi pengundi.

JAWAPAN: YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 Jun 2020, jumlah warganegara yang telah mencapai umur 21 tahun dan ke atas tetapi belum mendaftar sebagai pemilih dianggarkan seramai 4.3 juta orang.

Berkaitan status pelaksanaan pendaftaran pemilih secara automatik dan umur kelayakan pengundi 18 tahun, dimaklumkan bahawa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sedang dalam persiapan untuk melaksanakannya berdasarkan kepada pindaan Perkara 119(4) Perlembagaan Persekutuan yang telah diluluskan oleh Parlimen pada Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Parlimen Keempat Belas. Persiapan yang sedang dilaksanakan oleh SPR adalah meliputi penyediaan **pindaan kepada Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 dan undang-undang lain yang berkaitan, penyediaan *standard operating procedures* (SOP) dan penyediaan sistem dan infrastruktur** bagi pelaksanaan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik.

Bagi maksud membantu SPR dalam menyediakan SOP pelaksanaan pendaftaran pemilih secara automatik ini, SPR telah mengadakan **beberapa sesi libat urus** bersama beberapa jabatan/agensi Kerajaan seperti Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri; Kementerian Dalam Negeri; Jabatan Pendaftaran Negara (JPN); Jabatan Penjara Malaysia; Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah; Kementerian Kesihatan Malaysia; Angkatan Tentera Malaysia; dan Polis DiRaja Malaysia.

SPR juga telah mengadakan beberapa sesi libat urus seperti berikut:

- (i) Sesi Libat Urus Bersama Parti-Parti Politik Dari Blok Kerajaan Dan Blok Pembangkang (Bipartisan) Berhubung Pelaksanaan Umur Pengundi dan Calon 18 Tahun serta Pendaftaran Pemilih Secara Automatik pada 3 Oktober 2019;

- (ii) Sesi Libat Urus Dengan Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan dan Parti-Parti Politik Negeri Sarawak pada 26 November 2019; dan
- (iii) Sesi Libat Urus Dengan Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan dan Parti-Parti Politik Negeri Sabah pada 3 Disember 2019.

Melalui penganjuran sesi-sesi libat urus tersebut, SPR telah memberi penerangan mengenai perancangan pelaksanaan pindaan undang-undang yang telah diluluskan serta mendapatkan maklum balas dan pandangan daripada semua pihak.

Di samping itu, SPR juga sedang bekerjasama dengan JPN melalui **Jawatankuasa Taskforce SPR dan JPN** dalam persiapan melaksanakan pendaftaran pemilih secara automatik dan urusan-urusan lain yang berkaitan. SPR menjangkakan semua persiapan yang sedang diambil tindakan oleh SPR akan dapat disiapkan dalam tempoh **18 hingga 24 bulan dari tarikh kelulusan pindaan oleh Dewan Negara pada 25 Julai 2019**. Sehubungan itu, jangkaan tarikh pelaksanaan tersebut adalah selewat-lewatnya pada bulan **Julai 2021**.

Justeru, warganegara yang berumur 18 tahun akan layak mengundi bagi suatu pilihan raya umum atau kecil hanya selepas umur pengundi 18 tahun dikuatkuasakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [KLUANG]

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah perbelanjaan untuk membayar bil utiliti seperti elektrik, air, internet untuk semua sekolah rendah dan sekolah menengah setiap tahun bermula tahun 2010 hingga 2020.

JAWAPAN

Untuk makaluman Ahli Yang Berhormat,

Perbelanjaan bagi menampung kos utiliti untuk sekolah rendah dan menengah di bawah KPM (Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan) bagi tempoh 5 tahun iaitu daripada tahun 2015 hingga Oktober 2020 adalah berjumlah RM3,253,502,740.

Sekian.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB PUAN WONG SHU QI
[KLUANG]**

SOALAN

PUAN WONG SHU QI [KLUANG] minta **MENTERI SUMBER
MANUSIA** menyatakan :-

- (a) jumlah majikan yang telah memohon Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan di bawah PENJANA mengikut sektor dan negeri; dan
- (b) jumlah permohonan insentif latihan oleh penganggur bukan pencarum Skim Insuran Pekerjaan (SIP) dan pencarum SIP serta jumlah kelulusan kedua kategori tersebut hingga 30 November 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah memperkenalkan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) melalui Kementerian Sumber Manusia yang merangkumi dua (2) komponen utama iaitu Program Insentif Pengambilan Pekerja (*Hiring Incentive*) dan Program Latihan. Program ini adalah bertujuan untuk merangsang pengambilan pekerja oleh majikan dan di samping itu, seseorang pekerja boleh meningkatkan kebolehpekerjaan melalui latihan / latihan semula.

2. Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [Akta 800] hanya memberi perlindungan kepada Orang Berinsurans (OB). Sehingga 27 November 2020, Program Insentif Pengambilan Pekerja (*Hiring Incentives*) telah berjaya menempatkan seramai **85,318** orang pekerja oleh **13,465** majikan yang melibatkan sejumlah **RM99.44 juta**. Manakala bagi Program Latihan pula seramai **15,293** orang pekerja digajikan oleh **1,136** majikan sedang menjalani latihan. Bagi tujuan latihan ini, ianya melibatkan sejumlah **RM17.77 juta**.

3. Bagi menjawab soalan di **perenggan (a)**, bilangan majikan yang telah memohon Program Latihan di bawah PENJANA mengikut **sektor** sehingga 27 November 2020:

- a) Sektor perkilangan mencatatkan sebanyak 8 majikan;
- b) sektor pemborong dan peruncitan dengan angka 154 orang pekerja;
- c) sektor penginapan dengan angka 422 majikan;
- d) sektor pendidikan mencatatkan 83 majikan;
- e) pembinaan mencatatkan 98 majikan;
- f) Profesional mencatatkan 32 majikan;

- g) ICT mencatatkan 38 majikan;
- h) Pengangkutan mencatatkan 15 majikan;
- i) Kesihatan manusia, mencatatkan 17 majikan;
- j) Kewangan mencatatkan 16 majikan;
- k) Pentadbiran mencatatkan 11 majikan;
- l) Pertanian, perhutanan, ternakan dan perikanan mencatatkan 8 majikan;
- m) Elektrikal, gas dan tenaga mencatatkan 10 majikan;
- n) Kesenian mencatatkan 9 majikan;
- o) Aktiviti hartanah mencatatkan 6 majikan;
- p) Aktiviti isi rumah mencatatkan 4 majikan;
- q) Bekalan air, pembentungan, pengurusan sisa dan pemuliharaan mencatatkan 4 majikan;
- r) Pertahanan mencatatkan 5 majikan;
- s) Perlombongan dan penggalian mencatatkan 2 majikan; dan
- t) Lain-lain mencatatkan 250 majikan.

4. Majikan yang telah memohon Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Program Latihan di bawah PENJANA mengikut **negeri** sehingga 27 November 2020 seperti berikut:

SOALAN NO : 516

- a) Selangor mencatatkan angka terbesar iaitu seramai 3,820 majikan telah memohon Insentif Pengambilan Pekerjaan dan 867 majikan memohon latihan untuk pekerjanya;
- b) Kuala Lumpur dengan angka 1,927 majikan telah memohon Insentif Pengambilan Pekerjaan dan 212 majikan memohon latihan untuk pekerjanya;
- c) Johor dengan angka 1,812 majikan telah memohon Insentif Pengambilan Pekerjaan dan 5 majikan memohon latihan untuk pekerjanya;
- d) Perak mencatatkan 1,045 majikan telah memohon Insentif Pengambilan Pekerjaan dan 16 majikan memohon latihan untuk pekerjanya;
- e) Pulau Pinang mencatatkan 921 majikan telah memohon Insentif Pengambilan Pekerjaan dan 40 majikan memohon latihan untuk pekerjanya;
- f) Sarawak mencatatkan 854 majikan telah memohon Insentif Pengambilan Pekerjaan dan 36 majikan memohon latihan untuk pekerjanya;
- g) Sabah mencatatkan 537 majikan telah memohon Insentif Pengambilan Pekerjaan dan 24 majikan memohon latihan untuk pekerjanya;
- h) Kedah mencatatkan 499 majikan telah memohon Insentif Pengambilan Pekerjaan dan 7 majikan memohon latihan untuk pekerjanya;
- i) Melaka mencatatkan 497 majikan telah memohon Insentif Pengambilan Pekerjaan dan 11 majikan memohon latihan untuk pekerjanya;

- j) Pahang mencatatkan 481 majikan telah memohon Insentif Pengambilan Pekerjaan dan 13 majikan memohon latihan untuk pekerjanya;
- k) Negeri Sembilan mencatatkan 431 majikan telah memohon Insentif Pengambilan Pekerjaan dan 17 majikan memohon latihan untuk pekerjanya;
- l) Terengganu mencatatkan 321 majikan telah memohon Insentif Pengambilan Pekerjaan dan 5 majikan memohon latihan untuk pekerjanya;
- m) Kelantan mencatatkan 231 majikan telah memohon Insentif Pengambilan Pekerjaan dan 6 majikan memohon latihan untuk pekerjanya;
- n) Perlis mencatatkan 37 majikan telah memohon Insentif Pengambilan Pekerjaan dan tiada majikan memohon latihan untuk pekerjanya;
- o) Putrajaya mencatatkan 29 majikan telah memohon Insentif Pengambilan Pekerjaan dan tiada majikan memohon latihan untuk pekerjanya; dan
- p) Labuan mencatatkan 26 majikan telah memohon Insentif Pengambilan Pekerjaan dan tiada majikan memohon latihan untuk pekerjanya.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Bagi menjawab persoalan Yang Berhormat Senator di **perenggan (b)**, di bawah Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [Akta 800], Program Latihan hanya layak kepada Orang Berinsurans (OB) yang mencarum. Manakala Program Latihan di bawah PENJANA diberikan kepada pencarum dan majikan yang mengambil penganggur yang diambil untuk bekerja dengan majikan dan majikan tersebut boleh atau layak menerima faedah Program Latihan di bawah insentif PENJANA.

SOALAN NO : 516

6. Berdasarkan statistik Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) sehingga 27 November 2020, jumlah permohonan insentif latihan oleh penganggur bukan pencarum SIP adalah seramai 16,334 orang. Manakala jumlah pencarum SIP yang memohon insentif latihan di bawah PENJANA adalah seramai 341 orang. Jumlah keseluruhan bagi kedua-dua kategori adalah seramai 16,675 pekerja yang menerima faedah tersebut.

Sekian terima kasih.